

# PENUTUP KURSUS JURULATIH KABIN (CIC) SIRI 04/17



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2461-penutup-kursus-jurulatih-kabin-cic-siri-04-17](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2461-penutup-kursus-jurulatih-kabin-cic-siri-04-17)

ALOR SETAR - 20 Sep 17 – Majlis Penutup Kursus Jurulatih Kabin (CIC) Siri 04/17 telah berlangsung di Dewan Taming Sari Kolej Tentera Udara Alor Setar. Majlis telah disempurnakan oleh Pemangku Komandan Kolej Tentera Udara, YBhg Kol Samir bin Abas TUDM.

Kursus ini telah berlangsung selama 9 minggu di ILIT, KTU Alor Setar. Seramai 17 peserta kursus telah menerima sijil bagi menamatkan Fasa *Ground Instructional Technique*. Pelatih Akademik Terbaik bagi Kursus Jurulatih Kabin (CIC) Siri 04/17 telah dinobatkan kepada Sjn U (W) Kaynorashikin binti Kamaruslan.

Dalam ucapan Pemangku Komandan Kolej Tentera Udara, beliau telah menyeru kepada semua peserta kursus bahawa ini adalah titik permulaan menjadi seorang jurulatih. Beliau juga memperingatkan supaya banyakkan membaca dan melengkapkan diri dengan menguasai ilmu supaya dapat menghasilkan produk yang berkualiti kelak. Selain itu, beliau turut sudi berkongsi pengalamannya agar dapat dijadikan sebagai motivasi kepada peserta kursus.

